

14 NOV 1998

APEC-BERITA-CHINA

CHINA AKAN TERUS MELABUR DI MALAYSIA

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- China, satu daripada ekonomi dunia yang terbesar, telah memberi jaminan kepada Kuala Lumpur bahawa ia akan terus melabur di Malaysia ketika beratus-ratus ahli perniagaan daripada 21 negara dalam Lingkaran Pasifik berkumpul di sini sebelum para pemimpin Apec memulakan mesyuarat mereka Selasa ini.

"China telah melabur dengan banyaknya di Malaysia dan saya berpendapat mereka akan terus melabur," kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik kepada pemberita selepas merasmikan sesi interaksi Sidang Kemuncak Perniagaan Apec antara pemimpin perniagaan Malaysia dan China hari ini.

Beliau berkata Malaysia telah banyak mendapat kerjasama China dari segi aktiviti pelaburan dan perdagangan.

Dr Ling berkata ahli-ahli perniagaan China tidak merasa khuatir dengan perkembangan ekonomi dan politik terbaru di Malaysia.

"Tidak, mereka tidak bimbang dengan situasi politik kerana mereka anggapnya sebagai urusan dalaman Malaysia," katanya.

Dalam ucapannya sebelum itu, Dr Ling, yang juga Presiden MCA, berkata peringkat terburuk kegawatan ekonomi Malaysia telah berlalu.

"Kami yakin untuk melihat ekonomi pusing balik. Kami merasa peringkat terburuk sudah berlalu dan kami sedang berada pada jalan menuju pemulihan," katanya.

Dr Ling memberitahu hadirin bahawa berikutan dengan pelaksanaan langkah mengawal tukaran asing dan langkah-langkah mulai 1 Okt, ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan kecil sebanyak satu peratus tahun depan.

Dalam menyifatkan sikap Beijing itu sebagai "sangat wajar", beliau berkata para industrialis dari China telah mengadakan banyak usahsama dengan rakan-rakan mereka di Malaysia.

"Mereka bercakap mengenai bagaimana kami (Malaysia dan China) perlu bekerjasama dan tidak membenarkan kuasa-kuasa ekonomi lain membuli mereka," katanya.

Dr Ling berkata adalah menggembirakan kerana para pelabur asing yang keliru dan bimbangan kerana pada mulanya mereka tidak memahami sepenuhnya mengenai langkah-langkah ekonomi terbaru Malaysia itu "sekarang sedar sepenuhnya bahawa langkah-langkah itu tidak akan menjejaskan operasi mereka di Malaysia."

Ditanya mengenai dakwan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan keadaan darurat di Malaysia selepas mesyuarat Apec, Dr Ling berkata: "Dia (Anwar) melawak, bukan begitu?"

"Saya fikir Anwar ini bermimpi. Saya tidak mahu menjawab kepada mimpi pelik seperti itu," katanya.

Dr Ling berkata tidak ada sebab mengapa Dr Mahathir mahu mengisytiharkan darurat kerana negara sedang pulih daripada masalah kewangan dan ekonomi.

"Pasaran saham sedang naik. Perniagaan lebih baik. Ekonomi sedang bergerak, negara sedang bergerak," kata Dr Ling.

-- BERNAMA

ES YBY WAT